

# Tinjauan Literatur Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

**BITARA**Volume 1, Issue 2, 2018: 015-025  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [A Literature Review of Arabic Language Communicative Skills Teaching]

Masyitoh Yaacob<sup>1</sup> & Kaseh Abu Bakar<sup>1</sup>

### Abstrak

Proses pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang berlaku selama ini masih lagi kurang memberikan kesan yang baik kepada penguasaan kemahiran tersebut dalam kalangan pelajar. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti proses pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang telah dikaji dalam kajian lepas dan mengenal pasti metodologi kajian yang digunakan dalam kajian lepas yang berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Pendekatan kualitatif dan reka bentuk analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Data-data kajian ini diperoleh daripada artikel jurnal, tesis, disertasi, buku, kertas kerja seminar dan prosiding yang berkaitan dengan tajuk kajian. Semua data yang telah dikumpulkan dianalisis secara analisis deskriptif dengan menggunakan perisian *ATLAS.ti* versi 8.0. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dengan menggunakan metodologi kajian yang pelbagai. Namun begitu, masih kurang kajian tentang pengajaran bahasa Arab yang menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar yang merupakan salah satu ciri pengajaran abad ke-21. Begitu juga dengan metodologi kajian yang digunakan, didapati masih kurang kajian yang menggunakan metodologi kajian campuran kerana kebanyakan kajian-kajian lepas lebih tertumpu pada satu pendekatan sama ada kuantitatif atau kualitatif sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar digunakan dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dan pendekatan kajian campuran diperluaskan dalam kajian berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

### Kata Kunci

Tinjauan literatur, pendekatan pengajaran, berpusatkan pelajar, bahasa Arab lisan, kemahiran bertutur.

### Abstract

The process of teaching Arabic communicative skills, which has taken place all this while, has little effect on the mastery of these skills among students. The purpose of this study is therefore to describe the process of teaching Arabic language skills that have been examined in the previous study and to identify the methods used in the previous study for teaching Arabic language skills. This research applied a qualitative approach and content analysis design. The data of this study is obtained from journal articles, theses, dissertations, books, seminar papers and proceedings related to the subject of the study. All data collected were analyzed by descriptive analysis using *ATLAS.ti* 8.0 version software. The results of this study have demonstrated that there are many studies related to the teaching of Arabic language

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

### Corresponding Author:

Kaseh Abu Bakar, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia  
E-mail: [kaseh@ukm.edu.my](mailto:kaseh@ukm.edu.my)

skills using various research methodologies. Nevertheless, there is still little analysis of Arabic language teaching using a student-centred teaching method that is one of the characteristics of 21st-century education. Likewise to the methods used in the study, there are very few studies using mixed methods, as most of the previous studies rely more on either quantitative or qualitative techniques. The study, therefore, suggests that a student-centred teaching approach be used to teach Arabic language skills and that a mixed research approach be applied to studies related to the teaching of Arabic language skills.

### Keywords

Literature review, teaching approaches, student-centered, oral Arabic, speaking skills.

#### Cite This Article:

Masyitoh Yaacob & Kaseh Abu Bakar. 2018. Tinjauan literatur pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(2): 015-025.

## Pengenalan

Pengetahuan para pendidik tentang pelaksanaan proses pengajaran merupakan satu kelebihan kepada pensyarah tersebut (Sueraya 2013). Proses pengajaran ialah penyampaian pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang dijangka akan membawa perubahan dalam diri pelajar (Maria Chong et al. 2014). Menurut Reigeluth & Carr-Chellman (2009) pengajaran juga merupakan proses membantu pelajar untuk membina pengetahuan atau aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk menjayakan proses pembelajaran. Oleh sebab itu, proses pengajaran pensyarah boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara untuk menambahkan lagi keberkesanan pengajaran guru. Cara-cara pengajaran digunakan melibatkan pelbagai pendekatan, strategi, kaedah dan teknik.

Proses pengajaran pensyarah sangat berhubung rapat dengan hasil pembelajaran yang akan diperoleh oleh para pelajar (Noorafini et al. 2017). Kelemahan dalam penyampaian pensyarah semasa proses pengajaran yang digunakan akan menggagalkan pencapaian objektif pengajaran guru dan hasil pembelajaran pelajar. Oleh sebab itu, dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab, pelaksanaan proses pengajaran hendaklah bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan bertutur bahasa Arab. Ketidakterkesan proses pengajaran yang dilaksanakan oleh guru juga menyumbang kepada kelemahan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar di pelbagai tahap pengajian. Penguasaan kemahiran bertutur sesuatu bahasa merupakan pencapaian tahap tertinggi dalam pemerolehan bahasa. Menurut Egan (1999), kemahiran bertutur merupakan jantung kepada pembelajaran bahasa kedua yang sering diabaikan dalam proses pengajaran. Kesukaran penguasaan kemahiran bertutur berbanding dengan kemahiran lain diakui oleh penyelidik seperti Bailey (2006) dan Rosni (2013).

Kemahiran bertutur didefinisikan sebagai keupayaan pelajar untuk menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis secara lisan dengan sebutan serta intonasi yang betul secara sopan. Apabila seseorang pelajar mempunyai kemahiran bertutur bahasa Arab, beliau berupaya untuk berkomunikasi dengan orang sekeliling yang boleh bercakap dalam bahasa Arab dan orang Arab sendiri. Penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar merupakan salah satu daripada matlamat pengajaran bahasa Arab di Malaysia.

Berdasarkan kepentingan kemahiran bertutur dalam pembelajaran bahasa Arab, kajian demi kajian telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar. Namun begitu, kajian-kajian lepas banyak tertumpu pada aktiviti-aktiviti pengajaran kemahiran bertutur serta strategi pengajaran dan pembelajaran. Masih kurang kajian yang menjurus kepada pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab secara langkah demi langkah. Oleh itu, kajian yang berkaitan pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab perlu dilaksanakan untuk mengisi kelompangan tersebut.

## **Pernyataan Masalah**

Di Malaysia, bahasa kedua yang sering menjadi pilihan para pelajar untuk dipelajari ialah bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Pemilihan bahasa kedua oleh para pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya ialah faktor keperluan semasa, keagamaan, latar belakang dan minat pelajar. Berdasarkan permintaan, kursus bahasa kedua ditawarkan peringkat sekolah dan peringkat universiti. Analisis tinjauan literatur ini menumpukan kepada pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Kajian ini melibatkan permasalahan daripada aspek penggunaan pendekatan pengajaran dalam kalangan para pengajar kemahiran bertutur bahasa Arab. Keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan semasa proses pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab berlaku terus menjadi persoalan. Terdapat kemungkinan bahawa ramai pelajar kurang menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa Arab termasuklah kemahiran bertutur disebabkan oleh teknik pengajaran yang digunakan sebelum ini kurang mantap (Hairun Najuwah et al. 2017). Sehingga kini, terdapat beberapa kajian yang berkisar tentang pengajaran kemahiran bertutur bahasa kedua sama ada di dalam dan di luar negara. Kehadiran kajian-kajian lepas tersebut menunjukkan kepentingan kajian dalam bidang pengajaran kemahiran bertutur bahasa ini.

Kepentingan kajian dalam bidang pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab tidak terhenti setakat penggunaan pendekatan pengajaran sahaja. Hal ini kerana, penggunaan pendekatan pengajaran yang pelbagai tanpa garis panduan proses pelaksanaan pendekatan pengajaran yang jelas, sedikit sebanyak menyumbang kepada kelemahan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar. Lebih-lebih lagi apabila kajian Noorafini et al. (2017) menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru dengan penguasaan bahasa Arab. Sekiranya pengajaran guru bermasalah, maka penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar juga turut bermasalah. Rentetan daripada itu, kelemahan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia masih belum dapat diatasi sepenuhnya sehingga kini.

Masalah kelemahan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar dapat dilihat berdasarkan dapatan kajian beberapa kajian lepas. Antara kajian yang menyatakan bahawa para pelajar di Malaysia masih lemah dalam penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab ialah kajian oleh Ismail et al. (2011); Azman et al. (2012); Mastura & Kaseh (2012); Mohd Hilmi et al. (2014); Nadwah & Nadhilah (2014); Nur Zawani et al. (2015) & Anuar (2016). Sampel kajian-kajian di atas terdiri daripada para pelajar sekolah menengah dan kebanyakannya menggunakan pelajar universiti sebagai sampel kajian mereka. Pendekatan kajian yang digunakan juga pelbagai sehingga mengundang persoalan kepada kajian ini.

Justeru itu, analisis tinjauan literatur ini membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab serta metodologi kajian yang telah digunakan oleh penyelidik terdahulu. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada perkembangan bidang pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di Malaysia khususnya dan seluruh dunia amnya.

## Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang akan dikaji ialah:

1. Apakah kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab?
2. Apakah metodologi kajian yang digunakan dalam kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pendekatan pengajaran kemahiran bertutur?

## Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan-persoalan kajian, objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.
2. Mengenal pasti metodologi kajian yang digunakan dalam kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Kaedah analisis dokumen dilakukan terhadap semua artikel jurnal, tesis, disertasi, buku, kertas kerja seminar dan prosiding yang berkaitan dengan tajuk kajian. Semua data yang diperoleh daripada hasil analisis dokumen tersebut dianalisis secara deskriptif dengan perisian *ATLAS.ti* 8.0.

## Dapatan Kajian

Hasil analisis tinjauan literatur ini dibahagikan kepada dua tema utama bagi menjawab dua persoalan kajian ini. Tema pertama ialah kajian-kajian lepas pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dan tema kedua pula ialah metodologi kajian pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang telah digunakan dalam kajian-kajian lepas. Perincian terhadap dapatan kajian melalui analisis tinjauan literatur ini adalah seperti berikut:

### Kajian-kajian Lepas Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab memerlukan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik tertentu bagi memastikan ilmu dan kemahiran yang diajar sampai kepada para pelajar. Pengajaran ialah suatu proses yang terperinci untuk menyebarkan ilmu dan kemahiran kepada

para pelajar (Noorafini et al. 2017). Proses yang terperinci tersebut melibatkan aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian. Oleh sebab objektif pengajaran kemahiran bertutur sesuatu bahasa ialah untuk menjadikan pelajar berupaya bertutur dalam bahasa yang dipelajari, maka proses pengajaran pensyarah hendaklah menjurus ke arah tersebut dan sememangnya sesuatu bahasa itu dipelajari untuk tujuan komunikasi (Nadwah & Nadhilah 2014). Kajian berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab telah dilaksanakan oleh beberapa orang penyelidik daripada luar negara dan juga di dalam negara. Kajian-kajian lepas telah mengenal pasti beberapa pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang boleh digunakan dalam pengajaran pensyarah. Antara kajian lepas yang dilaksanakan dalam negara yang dilaksanakan antaranya:

Jadual 1 Senarai Kajian Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di dalam Negara

Penyelidik	Kajian
Zawawi & Ab Halim (2011)	Pendekatan komunikatif
Ashinida (2012)	Penggunaan strategi komunikasi
Ghazali et al. (2012)	Penggunaan strategi pengurusan sumber
Rohaizaf Mizani (2013)	Kaedah terus
Rosni et al. (2013)	Pendekatan pengajaran kemahiran bertutur yang digunakan oleh guru jurulatih debat
Mohd Hilmi et al. (2014)	Penggunaan strategi tampungan
Zamri & Ibtisam (2014)	Pendekatan komunikatif
Izuddin (2015)	Penggunaan <i>lughatul fasli</i>
Ismaiel Hassanein Ahmed Mohamed (2016)	Penggunaan persembahan multimedia, soal dan jawab, keseronokan melihat adegan aneh dan hebat, pergerakan, perwakilan, simulasi dan strategi lain serta kerjasama dan interaksi yang baik antara guru dan pelajar
Siti Salwa (2017)	Penggunaan strategi rumusan
Febrian et al. (2017)	Teknik pengajaran bahasa Arab interaktif

Sumber: Masyitoh 2017

Manakala kajian lepas konteks luar negara pula telah dilaksanakan ialah seperti berikut:

Jadual 2 Senarai Kajian Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di Luar Negara

Penyelidik	Kajian
Promadi (2006)	Pendekatan Komunikatif (PK) dan Pengajaran Bahasa Berbantuan Komputer (PBBK)
Mikyal Oktariana (2014)	Penggunaan kartun animasi
Ahmad Muradi (2014)	Pendekatan komunikatif
Muhammad Hamdan (2016)	Pembelajaran bahasa Arab komunikatif
Selamat Sukirno (2016)	Model "ARTIKULASI"
Hadi Hasanuddin (2016)	Penerapan media pembelajaran kontemporari
Muhammad Firdaus & Hassan Aidi (2016)	Kaedah <i>speaker call on the next</i>
Linda Widiyawati (2016)	Aplikasi gaya bahasa perbualan
Muhammad Amiruddin (2016)	Penggunaan <i>reward and punishment</i>
Fatik Rosyidah (2016)	Penerapan metode main peranan
Nur Amaliah al-Saidah & Irfan (2016)	<i>Brainstorming</i>
Maisaroh (2017)	Penggunaan kaedah teater

Jadual 1 dan jadual 2 di atas ialah hasil daripada analisis tinjauan literatur. Daripada senarai di atas, terdapat pelbagai pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran kemahiran bertutur yang telah digunakan dalam kajian. Pendekatan pengajaran kemahiran bertutur yang telah dikaji sebelum ini ialah pendekatan komunikatif (Ahmad Muradi 2014; Muhammad Azhar Zailaini 2001; Muhammad Hamdan 2016; Promadi 2006) dan pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang digunakan oleh guru yang merupakan jurulatih debat (Rosni et al. 2013). Daripada dapatan kajian ini, didapati bahawa hanya terdapat dua pendekatan sahaja yang telah dikaji dalam kajian-kajian lepas. Hal ini menunjukkan bahawa masih kurang kajian tentang pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Jadi. Jelaslah di sini bahawa kajian lanjutan berkaitan dengan pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab perlu diperluaskan lagi.

Selain daripada pendekatan pengajaran, strategi pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab juga telah dikaji dalam kajian-kajian lepas. Antara strategi pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang telah dikaji ialah strategi komunikasi (Ashinida 2012), strategi pengurusan sumber (Ghazali et al. 2012), strategi tampungan (Mohd Hilmi et al. 2014) dan strategi rumusan (Siti Salwa 2017). Namun begitu, masih terdapat banyak strategi pengajaran yang masih belum diterokai. Dapatan kajian-kajian lepas tentang semua strategi yang telah dikaji mendapati bahawa setiap strategi pengajaran tersebut mempunyai pengaruh tersendiri terhadap peningkatan kemahiran bertutur bahasa Arab para pelajar.

Kaedah pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang diketengahkan dalam kajian-kajian lepas ialah kaedah teater (Maisaroh 2017), kaedah *speaker call on the next* (Muhammad Firdaus & Hassan Aidi 2016), kaedah main peranan (Fatik Rosyidah 2016), kaedah *reward and punishment* (Muhammad Amiruddin 2016), kaedah terus (Rohaizaf Mizani (2013), kaedah persembahan kartun animasi (Mikyal Oktariana 2014) dan kaedah model ARTIKULASI (Selamat Sukirno 2016). Kajian tentang kaedah pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab telah mendapat perhatian daripada ramai penyelidik terdahulu jika dibandingkan dengan kajian yang berkaitan dengan pendekatan, strategi dan teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Kenyataan ini dapat dilihat daripada senarai kaedah pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang telah dikaji sebelum ini. Walaupun begitu, masih terdapat banyak kaedah pengajaran yang boleh dikaji oleh penyelidik akan datang untuk meningkatkan lagi kecekapan bertutur bahasa Arab para pelajar ke tahap yang membanggakan.

Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang telah dikaji pula ialah teknik *brainstorming* (Nur Amaliah al-Saidah & Irfan 2016), teknik gaya bahasa perbualan (Linda Widiyawati 2016), penggunaan teknik persembahan multimedia, soal dan jawab, keseronokan melihat adegan aneh dan hebat, pergerakan, perwakilan, simulasi dan strategi lain serta kerjasama dan interaksi yang baik antara guru dan pelajar (Ismail Hassanein 2016) serta teknik pengajaran bahasa Arab interaktif (Febrian et al. 2017). Kajian berkaitan dengan teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab juga masih kurang. Terdapat banyak lagi teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang boleh dikaji bagi memantapkan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan maklumat-maklumat di atas, pelbagai langkah penyelesaian kepada masalah penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan para pelajar telah dikaji dan dibuktikan keberkesanannya dalam kajian-kajian lepas. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab secara keseluruhannya telah

mengkaji beberapa pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Namun begitu, masih kurang kajian yang memfokuskan kepada pengajaran yang menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar.

Kebanyakan kajian-kajian lepas hanya mengkaji tentang pendekatan komunikatif dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab (Promadi 2006; Zawawi Ismail et al. 2011; Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah 2014; Ahmad Muradi 2014). Justeru itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan kepada para pengajar untuk memilih pendekatan, strategi, kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang terbaik dalam pengajaran mereka. Pemilihan pendekatan, strategi, kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran yang baik akan mempengaruhi pemerolehan kemahiran bertutur bahasa Arab para pelajar juga.

### **Metodologi Kajian Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kajian-kajian Lepas**

Metodologi kajian memainkan peranan penting dalam setiap kajian yang dijalankan. Dapatan sesuatu kajian diperoleh melalui penggunaan metodologi kajian. Oleh sebab itu, pemilihan metodologi kajian perlu dilakukan dengan teliti bagi memastikan dapatan kajian yang bakal dilaporkan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Tidak ketinggalan juga, aspek metodologi kajian yang digunakan dalam kajian-kajian lepas tentang pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab juga dikaji. Tujuan analisis tinjauan literatur daripada aspek metode kajian dilakukan untuk melihat trend kajian-kajian lepas dan melihat metodologi kajian yang sesuai untuk digunakan dalam kajian akan datang. Metodologi kajian yang sering digunakan dalam kajian-kajian sebelum ini ialah metodologi kajian kuantitatif, kualitatif dan gabungan antara kedua-duanya.

Antara kajian-kajian lepas berkaitan dengan kemahiran bertutur bahasa Arab yang menggunakan metodologi kajian kualitatif ialah kajian “Alamak! Macam mana nak cakap ni?”: Penggunaan strategi tampungan dalam komunikasi lisan bahasa Arab (Mohd Hilmi 2014), sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan b di Universiti Teknologi MARA (UiTM) (Ghazali et al. 2010), analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi bahasa Arab (Ashinida 2012), permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua (Nadwah & Nadhilah 2014), pembelajaran bahasa Arab komunikatif perspektif konstruktivisme di Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Madiun (Muhammad Hamdan 2016). Para penyelidik ini menggunakan metodologi kajian kualitatif dengan pendekatan kajian yang berbeza dalam kajian mereka berdasarkan konteks kajian masing-masing.


Manakala kajian-kajian lepas yang menggunakan metodologi kajian kuantitatif dipelopori oleh Promadi (2006) yang mengkaji tentang pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa Arab melalui kelas maya, Zawawi et al. (2011) dalam kajian mereka tentang teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia, Mastura & Kaseh (2012), tentang penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM, Rosni et al. (2013), tentang aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat, Anuar Sopian (2016) tentang tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di UITM Melaka, Adnan & Muhammad Firdaus (2014) tentang kekangan bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar

BASL, Mastura & Kaseh (2015) tentang penggunaan strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Pusat Asasi UIAM dan Rosni et al. (2013) dalam kajian tentang aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. Kebiasaannya, sampel yang ramai diperlukan untuk mendapatkan data bagi kajian yang menggunakan metodologi kajian kuantitatif.

Antara kajian-kajian lepas yang menggunakan metodologi kajian campuran ialah kajian tentang penggunaan bahasa Arab lisan dan hubungannya dengan strategi pengurusan sumber oleh Ghazali et al. (2012), penggunaan strategi belajar bersama rakan dalam kalangan pelajar kursus Bahasa Arab Lisan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) oleh Ghazali et al. (2012) dan kawalan kepercayaan pembelajaran dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga oleh Ghazali et al. (2011). Kekurangan kajian yang menggunakan metodologi kajian campuran menunjukkan bahawa metodologi kajian jenis ini masih belum dilaksanakan secara meluas.

Berdasarkan hasil analisis data berkaitan dengan metodologi kajian yang kerap digunakan dalam kajian-kajian lepas ialah metodologi kualitatif dan kuantitatif. Kedua-dua metodologi kajian tersebut telah digunakan secara seimbang dalam kajian-kajian lepas. Kekekapan penggunaan kedua-dua metodologi kajian tersebut menyebabkan penggunaan metodologi kajian campuran antara metodologi kajian kualitatif dan kuantitatif masih belum meluas. Dapatan kajian ini memberi isyarat kepada penyelidik akan datang agar menggunakan metodologi kajian campuran dalam kajian mereka.

Secara keseluruhannya, pemetaan analisis tinjauan literatur kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab ialah seperti berikut:



Rajah 1 Pemetaan Analisis Tinjauan Literatur Pengeajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Sumber: Masyitoh 2017



## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kebanyakan kajian-kajian lepas hanya membincangkan tentang pendekatan, strategi, kaedah, teknik dan aktiviti yang boleh dilaksanakan semasa pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab secara umum sahaja. Kehadiran kajian-kajian lepas juga bertujuan untuk mengatasi masalah kelemahan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Namun begitu, proses pelaksanaan pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang sesuai digunakan untuk membantu meningkatkan kecekapan bertutur bahasa Arab pelajar masih kurang didedahkan dalam kajian-kajian lepas.

Manakala daripada aspek metodologi kajian pula, analisis tinjauan literatur ini mendapati bahawa kebanyakan kajian-kajian lepas menggunakan metodologi kajian kualitatif dan kuantitatif secara seimbang. Namun begitu, penggunaan metodologi kajian campuran antara kualitatif dan kuantitatif masih belum meluas lagi. Dapatan ini menunjukkan bahawa metodologi kajian yang perlu diperluas penggunaannya dalam kajian pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab ialah metodologi kajian campuran antara kualitatif dan kuantitatif.

Justeru itu, kajian ini mencadangkan agar kajian tentang pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab terus dikaji daripada aspek proses pelaksanaan pendekatan pengajaran. Metodologi kajian yang perlu diluaskan lagi ialah metodologi kajian campuran antara kualitatif dan kuantitatif. Penggunaan metodologi kajian campuran akan memberikan dapatan kajian yang lebih dipercayai berbanding dengan penggunaan satu metodologi kajian sahaja. Semoga dapatan kajian ini dapat memberi implikasi yang positif terhadap perkembangan bidang pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab seterusnya dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar. ‘

## Rujukan

- Annan Mat Ali & Muhammad Firdaus Abdul Manaf. 2014. Kekangan bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar BASL. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*, hlm. 584–599.
- Ahmad Muradi. 2014. Pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa Arab. *Arabiyat* 1(1): 29–48. doi:10.15408/a.v1i1.1129
- Anuar Sopian. 2016. Tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengambil Kursus Bahasa Arab Di UITM Melaka. *International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization 3rd(March)*: 14–15.
- Ashinida Aladdin. 2012. Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12(2): 645–666. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/4936/>
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. 2012. Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12(1): 325–337.
- Bailey, K. M. 2006. 5 Issues in Teaching Speaking Skills to Adult ESOL Learners. *Review of Adult Learning and Literacy* 6: 113–164. doi:10.4324/9781410617330
- Egan, K. B. 1999. Speaking: A Critical Skill and a Challenge. *CALICO Journal* 16(3): 277–294.
- Fatik Rosyidah. 2016. Penerapan metode bermain peran dalam pembelajaran keterampilan berbicara di Madrasah Salafiyah ‘Ulya Imam Syafi’i Tapan Tulungagung. Latihan Ilmiah. al-Jaamiah al-Islamiyyah al-Hukumiyyah Tulungagung.
- Febrian, D., Maimun Aqsha Lubis, Irma Martiny Md Yasim & Nur Syamira Abdul Wahab. 2017. Teknik Pengajaran Bahasa Arab Interaktif di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 78–93. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/9>

- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Parilah M. Shah & Wan Haslina Wah. 2011. Kawalan kepercayaan pembelajaran dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. *Asian Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)* 3(2): 41–47.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. 2010. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies* 10(3): 15–33.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah & Ahmed Thalal Hassan. 2012. Penggunaan strategi belajar bersama rakan dalam kalangan pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 27(2012): 37–50.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah & Muhammad Sabri Sahrir. 2012. Penggunaan bahasa Arab lisan dan hubungannya dengan strategi pengurusan sumber. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12(2): 505–520.
- Hadi Hasanuddin. 2016. Istikhdam wasail al-ta‘alim al-hadithah litarqiyah maharat al-kalam (bi tatbiq ‘ala al-tullab qismi al-lughah bi al-Madrasah al-Thanauiyyah al-Islamiyyah al-Hukumiyyah al-Thani Tulungagung li al-‘am al-dirasi 2015-2016M. Latihan Ilmiah. al-Jamiah al-Islamiyyah al-Hukumiyyah Tulungagung.
- Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abdul Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan & Siti Nurhajariah Md Isa. 2017. Pemantapan tahap kemahiran asas bahasa Arab melalui kajian tindakan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*: 29–43.
- Ismail Hassanein Ahmed Mohamed. 2016. The teaching strategies of oral communication skills in Arabic for non-native Arabic speakers: Personal experience. *Journal of Linguistic and Literary Studies* 7(3): 108–121. Retrieved from <http://irep.iium.edu.my/53001/>
- Izuddin Muhammed. 2015. Meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam bilik darjah melalui penggunaan *lughatul fasli*: Satu tinjauan awal. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015)*, hlm. 9–18.
- Juni Bayu Saputra. 2015. Communicative language teaching: Changing students’ speaking Skill. *Premise Journal* 4(1): 2442–482.
- Linda Widiyawati. 2016. Tatbiq uslub al-muhawarah fi ta‘alim maharat al-kalam bi Ma‘ahad Nur al-Ulum 2 Sutujayan bi Litar li al-‘am al-dirasi 2015/2016. Latihan Ilmiah. al-Jamiah Tulungagung al-Islamiyyah al-hukumiyyah.
- Maisaroh. 2017. Athar Tariqah al-Masrahiyyah fi Ta‘alim al-Lughah al-‘Arabiyyah ‘ala Maharah al-Kalam Lada al-Thullab bi Ma‘ahad Tarbiyyah al-Mubalighin Rikhsasari Suruh Samarang al-‘am al-dirasi 2016/2017. Latihan Ilmiah. Institut Agama Islam Negeri (Lain) Salatiga.
- Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan & Tajularipin Sulaiman. 2014. Strategi pengajaran pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi: Satu anjakan paradigma. *Malaysian Education Dean Council Journal*: 101-115.
- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar. 2012. Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR’12)*, hlm. 139–155. doi:ISBN 978-967- 5478-49-9
- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar. 2015. Penggunaan strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Pusat Asasi UIAM. *AJTLHE: Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 7(1): 1–17. Retrieved from [http://journalarticle.ukm.my/10127/1/11915-32482-1-SM %281%29.pdf](http://journalarticle.ukm.my/10127/1/11915-32482-1-SM%281%29.pdf)
- Mikyal Oktariana. 2014. Tarqiyah ta‘alim maharat al-kalam bi al-rusum al-mutharrikah ala al-tilmiz bi Ma‘ahad Dar al-‘Ulum al-‘Asri Banda Aceh. *Jurnal Ilmiah DIDAKTIKA* 15(1): 99–122.
- Mohd Hilmi Mohd Hashim, Muhd Zulkifli Ismail & Nik Farhan Mustafa. 2014. “Alamak! Macamana nak cakap ni?”: Penggunaan strategi tampungan dalam komunikasi lisan bahasa Arab. *Global Media Journal - Malaysian Edition* 4(1): 152–168. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/36353/1/Alamak.pdf>
- Muhammad Amiruddin Hassan. 2016. Penerapan (*reward and punishment*) dalam pembelajaran *maharah kalam* di Pondok Modern Darul Hikmah Tawang Sari Tulungagung. Latihan Ilmiah. Institut Agama Islam Negeri Tulungagung.
- Muhammad Azhar Zailaini. 2001. Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi [Communicative approach in the Teaching and Learning Communicative Arabic Language. *Masalah Pendidikan* 24: 127–140. Retrieved from <http://myais.fsktm.um.edu.my/5145/>

- Muhammad Firdaus & Hassan Aidi. 2016. Tatbiq tariqah istida' al-mushtarik al-ta'ali (*speaker call on the next*) fi ta'alim al-lughah al-'Arabiyyah litarqiah maharat al-kalam. *El-Ibtikar* 5(01 Juli 2016): 36–68.
- Muhammad Hamdan. 2016. Pembelajaran bahasa Arab komunikatif prespektif konstruktivisme di Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Madiun. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. 2014. Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies* 14(1): 117–133. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/7003/>
- Noorafini Kassim, Saini Ag. Damit & Muhammad Suhaimi Taat. 2017. Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan* 1(2017): 125–142. Retrieved from <http://journal.kuim.edu.my/index.php/JULWAN/article/view/183/162>
- Nur Amaliah al-Saidah & Irfan Ghazali. 2016. Faliyyah tariqat al-asfu al-zihni (*Brainstorming*) fi ta'alim maharat al-kalam. *Jurnal El-Ibtikar* 5(1): 114–137.
- Nur Zawani Mohamad Din, Harun Baharuddin, Maimun Aqsha Lubis, Nur Syafiqah Kamar & Siti Nor Hafizah Zakaria. 2015. Cabaran pelaksanaan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab berdasarkan metod pengajaran bahasa Arab bagi penutur asing. *The Eight International Workshop and Conference of ASEAN Studies in Islamic and Arabic Education and World Civilization POLMED – UKM – STAI (AL- HIKMAH)*.
- Promadi. 2006. Pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa Arab melalui kelas maya. Universiti Putra Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Reigeluth, C. M. & Carr-Chellman, A. A (pnyt.). 2009. Instructional-Design Theories and Models Volume III Building a Common Knowlegde Base. New York: Taylor and Francis, Publishers. doi:10.4324/9780203872130
- Rohaizaf Mizani Mat Zin. 2013. Istikhdam al-tariqah al-mubasharah fi ta'alim maharat al-kalam li tullab muhtadin min al-natiqin biha kalughah thaniyyah fi Markaz al-Dirasat al-Asasiyyah bi al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'alamiyyah bi Maliziya. Latihan Ilmiah. al-Jami'ah al-Islamiyyah al-Hukumiyyah Tulungagung.
- Rosni Samah, Mohd. Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. 2013. Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online Journal of Language Studies* 13(2): 99-116.
- Selamat Sukirno. 2016. Tatbiq tariqat al-tadris binamuzaji 'Artikulasi' fi ta'alim al-lughah al-'Arabiyyah litarqiyah maharat al-istima' wa al-kalam fi al-fasl al-thamin bi Madrasah Hashim Ashari Thani al-Islamiyyah al-Mutawassitah Nahdat al-Ulama' Jebuk Kudus al-am al-dirasi 20. Latihan Ilmiah. al-Jami'ah al-Islamiyyah al-Hukumiyyah Kudus. Retrieved from <http://eprints.stainkudus.ac.id/652/>
- Siti Salwa Mohamed Nor. 2017. Keberkesanan strategi rumusan untuk meningkatkan kemahiran bertutur dan membaca secara kuat dalam kalangan pelajar bahasa Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin Malaysia. *Journal of Linguistic and Literacy Studies* 8(2): 68–101. Retrieved from <http://journals.iium.edu.my/arabiclang/index.php/JLLS/issue/view/75>
- Sueraya Che Haron. 2013. The teaching methodology of Arabic speaking skills: Learners' perspectives. *International Education Studies* 6(2): 55–62. doi:10.5539/ies.v6n2p55
- Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah. 2014. Metode pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan empat kemahiran. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, hlm. 1-5.
- Zarina Ahmad. 2009. Keterampilan bertutur dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Selangor. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman. 2011. Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies* 11(2): 67–82.